

RINGKASAN EKSEKUTIF

<u>KERTAS CADANGAN</u>	:	PERMOHONAN KELULUSAN ANGGARAN BAJET DAN SPESIFIKASI PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN DI KOMPLEKS MPC WILAYAH SARAWAK (SKO) BAGI TEMPOH 24 BULAN
<u>TARIKH PELAKSANAAN</u>	:	1 SEPTEMBER 2023
<u>TEMPAT</u>	:	PEJABAT MPC WILAYAH SARAWAK (SKO)
<u>KOS YANG TERLIBAT / PERUNTUKAN</u>	:	KOS YANG TERLIBAT RM10,000 SEBULAN ATAU RM240,000 (24 BULAN)
<u>BAHAGIAN/WILAYAH / UNIT</u>	:	PEJABAT MPC SARAWAK (SKO)
<u>BAKI PERUNTUKAN YANG ADA</u>	:	BAJET OPERASI
<u>TANDATANGAN KETUA AKAUNTAN</u>	:	
<u>KOMEN</u>	:	
<u>TANDATANGAN PENGURUS PCT</u>	:	
<u>IMPAK KEPADA RAKYAT</u>	:	1. MENGAWAL KESELAMATAN DI PEJABAT MPC WILAYAH SARAWAK 2. MEMASTIKAN SEGALA KEMUDAHAN DI PEJABAT MPC SENTIASA TERKAWAL DAN TERJAGA SEPANJANG MASA

PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC)

KERTAS CADANGAN UNTUK PERTIMBANGAN LEMBAGA PENGURUSAN MPC

PERMOHONAN KELULUSAN ANGGARAN BAJET DAN SPESIFIKASI BAGI PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN DI KOMPLEKS MPC WILAYAH SARAWAK (SKO)

1.0. TUJUAN

- 1.1. Kertas cadangan ini bertujuan untuk mendapat pertimbangan dan kelulusan Lembaga Pengurusan MPC bagi anggaran bajet dan spesifikasi perkhidmatan kawalan keselamatan Kompleks MPC Wilayah Sarawak bagi tempoh 24 bulan (2 tahun).

2.0. LATAR BELAKANG

- 2.1. Kontrak perkhidmatan kawalan keselamatan yang ada sekarang (Dayacop Services Security Sdn Bhd) akan tamat pada **31 Ogos 2023**;
- 2.2. Kadar kontrak syarikat sedia ada sekarang adalah **RM 8,435.26** sebulan atau **RM 202,446.24** bagi tempoh 24 bulan;
- 2.3. Bagi tujuan mendapatkan perkhidmatan kawalan keselamatan yang baru, MPC Wilayah Sarawak akan mempelawa pembekal yang berkeelayakan untuk memberikan sebutharga setelah permohonan anggaran bajet dan spesifikasi diluluskan. Tempoh perkhidmatan yang dicadangkan adalah selama 24 bulan (2 tahun); dan
- 2.4. Spesifikasi kontrak juga perlu ditambahbaik berdasarkan pemerhatian dan pengalaman dengan kontraktor sedia ada dari segi pemantauan oleh penyelia dan sistem kawalan keseluruhan.

3.0. CADANGAN HARGA

- 3.1 Anggaran sebanyak **RM10,000.00** sebulan bersamaan **RM120,000.00** setahun dan bersamaan **RM240,000.00** untuk **dua (2) tahun**.

4.0. JUSTIFIKASI

- 4.1 Kontrak sedia ada akan tamat pada **31 Ogos 2023** dan MPC Wilayah Sarawak perlu melantik kontraktor yang baru bagi mendapatkan perkhidmatan kawalan keselamatan; dan
- 4.2 Peningkatan harga adalah mengambil kira kenaikan kos disebabkan perintah gaji minimum di Sabah & Sarawak.

5.0 SPESIFIKASI

5.1 Butiran terperinci spesifikasi adalah seperti di **Lampiran**

5.2 Spesifikasi ini telah ditambahbaik dari spesifikasi sebelum ini dengan penambahbaikan seperti berikut:

5.2.1 Alat kawalan di atas (jam kawalan) hendaklah menggunakan sistem *digital clocking* yang dipasang oleh pembekal yang telah dilantik.

5.2.2 Pembekal perlu mematuhi segala arahan yang berkaitan dengan kepentingan pekerja yang diarahkan oleh Kementerian Sumber Manusia atau pihak yang berkaitan. Arahan perintah gaji minimum di Sabah dan Sarawak juga hendaklah dipatuhi.

6.0 PENUTUP

6.1 Lembaga Pengurusan MPC adalah dipohon untuk mempertimbangkan anggaran bajet dan spesifikasi perkhidmatan kawalan keselamatan di Kompleks MPC Wilayah Sarawak

Disediakan oleh:

Disemak oleh:

.....
Nurfazila Zulaihi
Penolong Pengurus
MPC Wilayah Sarawak

.....
Hafiza Atha
Pengurus
MPC Wilayah Sarawak

Disahkan oleh:

.....
Dr. Mazlina Shafi'i
Pengarah
MPC Wilayah Sarawak

SPESIFIKASI TAWARAN SEBUTHARGA BAGI
PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN DI KOMPLEKS
MPC WILAYAH SARAWAK
LOT 894, LORONG DEMAK LAUT 3A,
TAMAN PERINDUSTRIAN DEMAK LAUT, KUCHING

SPESIFIKASI UMUM

(a) Perkhidmatan Kawalan ini hendaklah meliputi perkara-perkara berikut:

- i. Perkhidmatan kawalan keselamatan tanpa senjata.
- ii. Dilaksanakan di Kompleks MPC Wilayah Sarawak di alamat, Lot 894, Taman Perindustrian Demak Laut, Kuching (yang selepas ini dikenali sebagai MPC Sarawak sahaja).
- iii. Kawalan keselamatan adalah secara berterusan 24 jam oleh dua (2) orang pengawal di waktu malam dan seorang (1) pengawal di waktu siang.
- iv. Pada waktu siang, pengawal hendaklah berada / bertugas di Pos Kawalan di pintu masuk / keluar Kompleks MPC Wilayah Sarawak.
- v. Pada sebelah malam, secara bergilir seorang (1) pengawal keselamatan mestilah bertugas di pos kawalan di pintu masuk / keluar Kompleks MPC Wilayah Sarawak sementara seorang (1) lagi bertugas membuat rondaan.
- vi. Supaya rondaan dilakukan secara sistematik, pengawal yang bertugas di syif malam dikehendaki mengunci **jam kawalan** keselamatan di semua "point" yang disediakan (7 point). Ini hendaklah dilakukan setiap **satu jam selepas memulakan tugasnya** sehingga pengawal di syif siang mengambil alih tugas kawalan.
- vii. Alat kawalan di atas (jam kawalan) hendaklah menggunakan sistem *digital clocking* yang dipasang oleh pembekal yang telah dilantik. Penyelenggaraan, penjagaan, pemantauan & penggantian (jika rosak atau hilang) alat tersebut juga adalah dibawah tanggungan syarikat sepenuhnya.
- viii. Seseorang pengawal sama sekali tidak dipertanggungjawabkan untuk berkhidmat melebihi 12 jam yang seterusnya (berterusan).

- ix. ***Adalah menjadi tanggungjawab pengawal keselamatan yang bertugas memaklumkan kepada MPC Sarawak (pegawai yang bertanggungjawab) tentang apa-apa perkara, keadaan atau kemudahan yang pada pandangan beliau berisiko tinggi dari segi keselamatan warga, peralatan pejabat dan juga bangunan.***
- x. Perkhidmatan pembekal dengan MPC Sarawak adalah secara kontrak selama dua tahun (24 bulan). Sebutharga baru akan dikeluarkan bagi 24 bulan berikutnya dan tertakluk kepada tambahan syarat.
- xi. Bagi menjaga keselamatan warga-warga MPC Sarawak dan orang-orang yang berada di kawalan Kompleks MPC Wilayah Sarawak, serta harta-harta dan barang-barang MPC, pembekal dikehendaki menyediakan satu **buku daftar masuk / keluar pelawat di pos kawalan masuk / keluar kompleks untuk merekodkan nama, jabatan / syarikat / nombor telefon setiap mereka yang masuk ke Kompleks MPC Sarawak.** Pas pelawat dan borang keluar masuk premis hendaklah diberikan kepada setiap pelawat yang perlu berurusan dengan MPC Sarawak. Pas pelawat dan borang keluar masuk perlu diserahkan oleh pelawat kepada pengawal keselamatan sebelum keluar dari kompleks MPC Wilayah Sarawak.
- xii. Buku daftar hendaklah ditunjukkan kepada pegawai MPC Sarawak yang bertanggungjawab memantau keselamatan pejabat kompleks pada setiap 1hb atau pada hari pertama (hari bekerja) setiap bulan. Tandatangan beliau hendaklah diperolehi. Penyelia perlu merekod kehadiran (tujuan pemantauan prestasi pengawal keselamatan) 2 kali seminggu di dalam buku daftar.
- xiii. Buku daftar ini juga adalah milik MPC Sarawak dan hendaklah diserahkan apabila telah habis atau pada bila-bila masa diminta.
- xiv. Butiran keluar masuk pelawat hendaklah dicatatkan dengan tepat. ***Butiran keluar masuk warga MPC Sarawak ke kawasan pejabat perlu direkod selepas waktu pejabat dan cuti umum.***
- xv. Kualiti perkhidmatan pengawal adalah tanggungjawab pembekal dan sebarang aduan tentang kemerosotan perkhidmatan hendaklah diambil tindakan dengan segera.
- xvi. Pembekal hendaklah menggantikan pengawal dengan yang lain pada kadar segera, sekiranya pelanggan mendapati ada asas untuk tidak mempercayai kredibiliti atau keamanahan seseorang pengawal atau atas apa-apa sebab yang difikirkan munasabah bagi tujuan memelihara keselamatan warga, harta benda dan barang-barang di MPC Sarawak.
- xvii. Pembekal juga dikehendaki melaksanakan arahan-arahan berkaitan dengan peraturan keselamatan yang dikemukakan oleh MPC Sarawak dari masa ke semasa.

xviii. Pengawal Keselamatan yang bertugas di Kompleks MPC Sarawak hendaklah dapat memenuhi syarat-syarat berikut :

- a. Warganegara Malaysia, tinggi tidak kurang dari 5' 4", baik penglihatan dan sihat tubuh badan serta tidak mempunyai rekod jenayah. Bukan warganegara Malaysia tidak dibenar sama sekali. Salinan bukti pengawal keselamatan bebas rekod jenayah hendaklah dilampirkan.
- b. Berumur tidak kurang dari 25 tahun tetapi tidak melebihi 55 tahun.
- c. Berpakaian seragam dan kemas sepanjang masa bertugas.
- d. Boleh berkomunikasi di dalam Bahasa Melayu dan memahami Bahasa Inggeris.
- e. Sudah menjalani kursus keselamatan dan berpengalaman.
- f. Tahu menggunakan alat pencegahan kebakaran dan asas pertolongan cemas.
- g. Mencatatkan waktu beliau masuk bertugas dan waktu beliau balik setelah menamatkan tugas dengan alat perakam waktu.
- h. Lain-lain kualiti peribadi yang baik.
- i. Perlu memaklumkan kepada warga kerja MPC Sarawak sekiranya tidak berada di Pos Kawalan (kerana menunaikan fardhu solat / membeli makanan)
- j. Melaksanakan tugas-tugas lain yang berkaitan sekiranya diarahkan oleh MPC Sarawak dari semasa ke semasa.

(b) Penamatan Kontrak

Kontrak khidmat ini boleh ditamatkan dengan cara berikut:

- i. Setelah tempoh 24 bulan tamat dan kontrak sedia ada tidak diperbaharui lagi.
- ii. Ditamatkan oleh pembekal dengan memberi 2 bulan notis. Sekiranya kurang dari 2 bulan notis, bayaran perkhidmatan akan digantung atau ganti rugi sebanyak 2 bulan akan dituntut dari pembekal.
- iii. Setelah diberi 2 surat berturut-turut atas kemerosotan perkhidmatan dan tiada jaminan dan tindakan memperbaiki perkhidmatan oleh pembekal.

- iv. Dalam keadaan di mana kontrak tersebut ditamatkan dengan apa cara sekali pun, pihak pembekal tidak berhak menuntut sebarang kos atau apa-apa kerugian.
- v. MPC Sarawak juga berhak untuk **menamatkan kontrak** perkhidmatan pembekal dengan memberi **2 bulan notis** tanpa perlu memberikan apa-apa bayaran kepada pembekal.

(c) Pembayaran

- i. Pembayaran akan dibuat secara bulanan berdasarkan kepada invois yang diterima oleh MPC Sarawak.
- ii. Jumlah bayaran adalah jumlah yang telah dipersetujui di dalam kontrak dan MPC Sarawak tidak akan membayar apa-apa bayaran tambahan.
- iii. Pembayaran akan dibuat hanya selepas MPC Sarawak berpuas hati dengan kerja-kerja yang dilakukan oleh pembekal.
- iv. Invois hendaklah dilampirkan bersama laporan sistem *digital clocking* yang dipasang oleh pembekal yang telah dilantik sebelum pembayaran boleh dilakukan.
- v. Sekiranya terdapat sebarang kerosakan atau kehilangan terhadap harta benda di kompleks disebabkan oleh kecuaiian pembekal atau wakilnya, bayaran memperbaiki kerosakan atau gantian harta benda tersebut hendaklah ditanggung oleh pembekal. Sekiranya pembekal gagal berbuat demikian, potongan akan dibuat dari amaun bulanan yang perlu dibayar kepada pembekal. Jumlah amaun ini tertakluk kepada kos pembaikan kerosakan.
- vi. Bayaran kepada pembekal boleh digantung atas sebab-sebab di no. 4.

(d) Kemalangan / Tuntutan

- i. Sebarang kemalangan yang berlaku kepada pembekal atau wakilnya semasa berada dalam Kompleks MPC Sarawak tidak menjadi tanggungjawab MPC Sarawak.
- ii. Sebarang tuntutan seperti pembiayaan kos rawatan atau apa-apa tuntutan akibat kemalangan dan kecederaan semasa berada di dalam Kompleks MPC Sarawak tidak akan dilayan dan menjadi tanggungjawab pembekal sepenuhnya.

(e) Maklumat dan Latar belakang Syarikat

- i. Pembekal hendaklah mengemukakan keterangan mengenai latarbelakang syarikat dengan memenuhi borang keterangan mengenai maklumat, latarbelakang syarikat bagi bekalan dan pengiriman di Bahagian III yang disertakan.

(f) Lain-lain maklumat

- i. Sila kemukakan juga borang perjanjian yang disediakan syarikat pembekal untuk penelitian pihak MPC Sarawak.
- ii. Dokumen-dokumen lain yang berkaitan dan difikirkan sesuai (yang tidak ternyata dalam kenyataan tawaran) perlu juga dikemukakan.
- iii. Kebajikan pekerja:
 - a. Pembekal bertanggungjawab menjaga kebajikan dan kepentingan Pengawal Keselamatan yang bertugas di MPC Sarawak.
 - b. Adalah menjadi tanggungjawab pembekal membayar semua caruman di bawah Ordinan KWSP bagi semua kakitangan / pekerja yang diambil
 - c. Pembekal perlu mematuhi segala arahan yang berkaitan dengan kepentingan pekerja yang diarahkan oleh Kementerian Sumber Manusia atau pihak yang berkaitan. Arahan perintah gaji minimum di Sabah dan Sarawak juga hendaklah dipatuhi.